

Media Title : Harian Metro
Headline : Penyelia projek rugi RM95,200, kerani ditipu RM93,900
Date : 10 June 2023
Section : Lokal
Page : 10



MANGSA SCAMMER

Penyelia projek rugi RM95,200, kerani ditipu RM93,900

Kuantan: Seorang penyelia projek kerugian RM95,200 selepas terpedaya urusan jual beli kenderaan tidak wujud.

Ketua Polis Pahang, Datuk Yahaya Othman, berkata berdasarkan laporan, mangsa berusia 56 tahun tertarik dengan tawaran membeli Honda Jazz pada harga RM21,600 menerusi Facebook pada 11 Mei lalu.

Katanya, mangsa kemudian membuat 17 transaksi kepada tiga akaun berbeza yang berjumlah RM95,200 selepas suspek memberikan pelbagai alasan untuk menjual kenderaan terbabit.

"Siasatan mendapati sumber kewangan mangsa daripada tuntutan insurans kemalangan dan simpanan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam kes lain, beliau berkata, seorang kerani swasta berusia 44 tahun kerugian RM93,900 selepas terpedaya Phone Scam pada 8 Jun lalu.

Katanya, berdasarkan laporan, mangsa menerima panggilan telefon dari syarikat penghantaran barang yang memaklumkan bungku-

san atas nama mangsa disekat.

"Panggilan kemudian disambungkan kepada polis dan dimaklumkan mangsa terbabit sindiket pengubahan wang haram.

"Mangsa dikatakan memiliki waran tangkap di Ipoh, Perak sehingga mangsa takut dan diarahkan memindahkan wang kepada tiga akaun berbeza untuk tujuan siasatan.

"Mangsa curiga dan berasa ditipu selepas mengalami kerugian RM93,900. Sumber hasil kewangan mangsa adalah hasil simpanan sendiri.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Dalam kes terbabit, beliau menasihati orang ramai supaya lebih berhati-hati dan membuat semakan terlebih dahulu bagi mengelak menjadi mangsa penipuan.

"Masyarakat diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon diterima di pautan [https://semakmu-](https://semakmu-le.rmp.gov.my)

[le.rmp.gov.my](https://semakmu-le.rmp.gov.my) sebelum membuat sebarang transaksi," katanya.

“Sumber kewangan mangsa daripada tuntutan insurans kemalangan dan simpanan Yahaya

